

14/3/2017

KENYATAAN MEDIA

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

WARTAKAN ULU MUDA DAN SELESAI MASALAH

- **Kedah perlu mewartakan Hutan Simpan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air yang paling penting bagi NCER.**
- **Pembalakan di Ulu Muda merupakan satu ancaman serantau yang memberi kesan kepada bekalan air dan pengairan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Selasa, 14/3/2017: Semua 'isu-isu pembalakan' di Hutan Simpan Ulu Muda akan secara automatik selesai sekiranya Kedah mewartakan dan memulihara rizab itu sebagai kawasan tadahan air.

Selepas diwartakan, Kedah boleh menuntut pampasan Persekutuan sebagai ganti 'premium hutan' untuk melindungi dan memulihara kawasan tadahan air yang paling penting di Koridor Utara (NCER). Lagipun, Ulu Muda sudahpun berfungsi sebagai 'tadahan air tidak rasmi' bagi sungai-sungai dan empangan yang membekalkan air mentah untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Pulau Pinang telah acap kali menyatakan ia akan menyokong tindakan Kedah untuk mewartakan Ulu Muda dan mendapatkan pampasan Persekutuan. Oleh sebab inisiatif ini juga akan memberi manfaat kepada Perlis, Kedah juga boleh mengharapkan sokongan daripada Perlis.

Pada Ahad 12 Mac 2017 lalu, Berita Harian Online menyiarkan berita yang memetik Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah sebagai mendakwa bahawa 'Kerajaan Negeri Pulau Pinang cepat mengkritik tetapi tidak memberi apa-apa penyelesaian konkrit yang berkaitan dengan pembalakan haram yang dikatakan di Ulu Muda'.

Sebagai operator air berlesen bagi Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin mengulangi pendiriannya: Semua aktiviti pembalakan perlu diharamkan di Ulu Muda.

Sekali lagi, penyelesaian yang kami cadangkan adalah:

1. Haramkan semua pembalakan di Ulu Muda.
2. Wartakan hutan simpan itu sebagai kawasan tadahan air.
3. Dapatkan pampasan Persekutuan sebagai ganti 'premium hutan' yang Kedah telah terima daripada syarikat-syarikat pembalakan.
4. Memperuntukkan sebahagian daripada dana Persekutuan untuk memantau dan memulihara Ulu Muda.

Pada ketika ini, pembalakan mungkin sudah menjejaskan prestasi Hutan Simpan Ulu Muda untuk memerangkap air hujan bagi Sungai Muda, sumber air mentah utama bagi Selatan Kedah dan Pulau Pinang.

Harap maklum bahawa walaupun pembenihan awan di Kedah dilakukan sejak Disember 2016, paras Empangan Muda menurun daripada 60.3% pada 1/1/2017 kepada 24.2% pada 13/3/2017. Empangan 160 bilion liter ini dibina oleh Kedah untuk menyimpan air bagi pelepasan ketika musim kemarau.

Hari ini, disebabkan paras Empangan Muda yang rendah, Empangan Beris (pada kapasiti 74.8%) perlu digunakan bagi melepaskan air ke dalam Sungai Muda. Sebagai perbandingan, kapasiti efektif kedua-dua Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah 96.9% pada 13/3/2017.

POKOK LEBIH PENTING DARIPADA BALAK

Pada 5/3/2017, Harian Metro Online melaporkan yang pihak berkuasa perhutanan Kedah telah merampas 2,500 kayu balak dan menghentikan operasi sebuah syarikat pembalakan. Syarikat itu didakwa telah menyasarkan balak berharga tinggi jenis tertentu dalam 'zon penampian'.

Isu utama dalam kes ini adalah kehilangan 2,500 lagi pokok yang membantu untuk 'memerangkap' air hujan untuk memenuhi Empangan Muda dan Sungai Muda ... dan bukan status perundangan syarikat atau 'harga yang tinggi' daripada 2500 balak yang dirampas.

Kedah harus memberi tumpuan kepada ‘gambaran yang lebih besar’ ketika berhadapan dengan pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda. Pembalakan di Ulu Muda memberi ancaman berikut:

- Bekalan air untuk kira-kira 2.12 juta rakyat di Kedah. Ulu Muda adalah tadahan air terbesar di Kedah. Di Selatan Kedah, terdapat 14 muka sauk loji rawatan air SADA yang mengabstrak air mentah dari Sungai Muda.
- Pengairan untuk padi di selatan Kedah kerana terdapat 6 muka sauk pengairan JPS di Kedah yang mengabstrak air dari Sungai Muda untuk tujuan ini.
- Ribuan perniagaan di Selatan Kedah, daripada kecil hingga besar, termasuk ‘penghuni industri’ multinasional Kedah di Taman Teknologi Tinggi Kulim yang dilaporkan melabur lebih RM34 bilion *. Perniagaan ini menyumbang berbilion-bilion kepada KDNK Malaysia setiap tahun dan menggaji ribuan rakyat Malaysia, sebahagian besarnya adalah rakyat Kedah.

ABSTRAKSI PULAU PINANG DI HILIR & ‘APA SUMBANGANNYA’

PBAPP ingin mengulangi bahawa Pulau Pinang mengabstrak air mentah di hilir Sungai Muda daripada 14 LRA dan 3 muka sauk pengairan di Kedah. Muka sauk Lahar Tiang kami terletak dalam sempadan negeri Pulau Pinang kerana ‘garis sempadan’ di tengah-tengah Sungai Muda mentakrifkan sempadan antara Pulau Pinang dan Kedah.

Dalam erti kata lain, PBAPP bolehlah dikatakan mengabstrak air sungai berlebihan yang mengalir dengan bebas dari Kedah ke laut. Abstraksi yang kami lakukan adalah pada kos sendiri dan tidak akan menjejaskan pengabstrakkan di hulu Kedah dalam apa jua cara.

Ketika musim hujan, abstraksi air oleh Pulau Pinang dan Skim Air Baraj Sungai Muda (SMWSB) di Rantau Panjang menghindar banjir daripada berlaku di kawasan-kawasan rendah di Kedah.

Tambahan pula SMWSB juga berperanan untuk:

- Mencegah kemasinan air laut dari Selat Melaka daripada kawasan abstraksi air di sepanjang Sungai Muda (dengan itu melindungi operasi pengambilan Kedah); dan

- Menyediakan pampasan aliran dalam bentuk 5% sehingga 10% limpahan yang diperlukan oleh Akta Air 1920 (pindaan 1989) agar Sungai Muda 'hidup' sehinggalah tiba ke Selat Melaka.

Di Pulau Pinang, PBAPP membekalkan air yang baik dan berterusan kepada kira-kira 1.72 juta orang dan ribuan perniagaan, termasuk syarikat multinasional yang beroperasi di Bayan Lepas, Prai, Mak Mandin, Bukit Tengah, Bukit Minyak dan Taman Perindustrian Batu Kawan.

Aktiviti ekonomi di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menyumbang berbilion-bilion ringgit kepada KDNK Malaysia setiap tahun. Perniagaan yang beroperasi di kesemua 3 negeri juga membayar cukai berbilion-bilion ringgit kepada Kerajaan Persekutuan setiap tahun.

Oleh itu, Kedah perlu bertindak sekarang denganewartakan Hutan Simpan Ulu Muda sebagai sumber air mentah serantau di dalam NCER, dan memperolehi pampasan Persekutuan bagi pemuliharaan sumber berharga ini untuk kebaikan NCER.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).*

* <http://www.khtp.com.my/manufacturing/>

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my